

MANHAJ ULAMA HADIS MUTAQADDIMIN, MUTA'AKHKHIRIN DAN MU'ASIRIN DALAM TAQWYAH HADIS HASAN DAN DA'IF
(*METHODOLOGY OF MUTAQADDIMIN, MUTA'AKHKHIRIN AND MU'ASIRIN HADITH SCHOLARS IN TAQWYAH HASAN AND WEAK HADITH*)

Muhammad Asyraf Baharudin (*Corresponding author*)
Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS)
02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia
E-mail: asyrafbaha@kuips.edu.my

Roshimah Shamsudin
School of Humanities, Universiti Sains Malaysia (USM)
11700, Gelugor, Penang, Malaysia
E-mail: roshimah@usm.my

Article
Progress:

Submission date:
17 Oct 2022
Accepted date:
17 Nov 2022

ABSTRACT

Several methodologies have been utilized by hadith scholars in engaging taqwiyah al-hadith irrespective of amongst the mutaqaddimin, muta'akhkhirin or the mu'asirin scholars. In this regard, a number of scholars argue that weak hadith should not be upgraded in absolute in spite of having various chain of transmitters. While certain number of other hadith scholars are of the view that weak hadith may become hasan li ghayrih when it fulfills a number of specified conditions. The diversity of methodologies in exercising taqwiyah al-hadith impacts in the various evaluations of the status of a particular hadith. This article therefore intends to study the diversity of the methodologies practised by the hadith scholars from amongst the mutaqaddimin, muta'akhkhirin and mu'asirin in exercising taqwiyah on hasan and weak hadiths. In achieving the objectives, a qualitative research was carried out through data collection method upon hadith works. The collected data was thereafter analyzed based on inductive and deductive methods. The study illustrates that the hadith scholars from all mutaqaddimin, muta'akhkhirin and mu'asirin eras respectively exercise exclusive methodology in performing taqwiyah al-hadith. In spite of the exclusivity in methodology, their main methods revolve around the study of multiple hadith turuq and scrutiny on the mutaba'at and syawahid. The difference between their methodologies in taqwiyah al-hadith can be seen in the aspects pertaining to the determination of concrete definitions of hasan and daif hadiths, the acceptance of the Muslim towards the hadiths, taqwiyah al-hadith with zahir al-Qur'an as well as the practises of mujtahids as the basis of taqwiyah al-hadith.

Keywords: *Taqwiyah al-Hadith, Mutaqaddimin, Muta'akhkhirin, Mu'asirin, Hadith Scholars, Weak Hadith*

PENGENALAN

Perbahasan mengenai hukum beramal dengan hadis *da'if* termasuklah perbincangan mengenai sejauh mana ia boleh dinaik tarafkan kepada *hasan* antara polemik yang hangat di Malaysia. Polemik ini menurut Mohd Farhan Md Ariffin (2016) mempunyai pertalian dengan isu pemakaian hadis *da'if* dalam bab fadilat dan juga ibadah. Dalam hal ini, salah faham dalam memahami ilmu mustalah hadis menjadi antara punca tercetusnya polemik ini. Selain itu, fenomena penyebaran hadis *da'if* juga didapati turut memacu ke arah pengamalan dengan hadis *da'if* dalam kalangan masyarakat Islam. Malah, terdapat sebahagian daripada masyarakat Islam yang beranggapan bahawa hadis *da'if* boleh digunakan dalam semua aspek dalam agama tanpa perlu melakukan penelitian terhadap tahap kedaifan sesebuah hadis dan garis panduan yang telah diletakkan oleh para ilmuan hadis. Faktor ini juga mempengaruhi perbahasan mengenai hadis *da'if* sama ada boleh dinaik tarafkan statusnya ataupun tidak yang diistilahkan sebagai *taqwiyah al-hadith*. Berikutan itu, lahir pelbagai manhaj yang diaplikasikan oleh para sarjana hadis *mutaqaddimin*, *muta'akhkhirin* dan *mu'asirin* dalam melakukan *taqwiyah al-hadith*. Selaras dengan itu juga, muncul pandangan yang agak ketat iaitu hadis *da'if* tidak dapat dilakukan *taqwiyah*. Menurut al-Zarkasyi (1998), pandangan ini diutarakan oleh Ibn Hazm.

Justeru, artikel ini bertujuan mengkaji kepelbagaian manhaj sarjana hadis *mutaqaddimin*, *muta'akhkhirin* dan *mu'asirin* dalam berinteraksi dengan *taqwiyah* hadis *hasan* dan *da'if*.

DEFINISI TAQWIYAH AL-HADITH

Sebelum membicarakan lebih lanjut mengenai *taqwiyah al-hadith*, adalah penting untuk meneliti definisinya terlebih dahulu. *Taqwiyah* menurut *Lisan al-'Arab* berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *qawwa* atau *qawiya* yang membawa maksud kuat (Ibn Manzur, 1993). Manakala dari segi istilah pula, pengkaji tidak menemui takrifan khusus yang digariskan oleh para ulama. Namun, Ibn Hajar didapati memberi isyarat tentang gambaran *taqwiyah* di sisinya. Menurut beliau, sekiranya dalam sesuatu riwayat terdapat perawi yang lemah hafalan, *mastur*, dikaitkan dengan *mursal* dan *mudallas* yang diiringi oleh hadis yang muktabar, maka hadis tersebut dinaikkan statusnya menjadi *hasan*. Perubahan status hadis dalam situasi seumpama ini bukanlah disebabkan oleh keadaannya sendiri, akan tetapi atas pertimbangan terdapatnya riwayat sokongan iaitu secara berkumpulan, dengan adanya *mutaba'at* (Ibn Hajar, 2008).

Manakala menurut al-Qasimi (t.th), hadis *hasan* yang dikenal pasti mempunyai sanad lain boleh dinaikkan statusnya kepada *sahih* kerana kekuatannya dari dua sudut, iaitu kedudukan perawi hadis *hasan* dan kehadiran *mutaba'ah*. Dalam hal ini, setiap satu sudut akan menguatkan

yang lain. Perawi hadis yang dinilai *hasan* dikira rendah sedikit martabatnya daripada perawi yang *dabit*, walaupun beliau terkenal dengan kebenaran dan kebaikan. Justeru, jika hadisnya datang melalui sanad yang lain, walaupun dengan satu sanad, ia akan menjadi kuat dengan *mutaba'ah* dan akan hilang keraguan terhadapnya dari sudut hafalannya yang lemah. Dengan ini, hadis tersebut dinaik tarafkan daripada *hasan* kepada *sahih*.

Berdasarkan pandangan dan huraian Ibn Hajar dan al-Qasimi tersebut, *taqwiyah al-hadith* merupakan satu proses untuk menguatkan status sesebuah riwayat hadis sama ada ia dapat menaik taraf kedudukan hadis tersebut atau tidak yang dilakukan melalui penjejakan *turuq* hadis yang secara spesifiknya merujuk kepada *al-i'tibar*. Daripada sini, terserlah hubung kait yang erat antara *taqwiyah al-hadith* dan juga *al-i'tibar*. Namun, *taqwiyah* adalah lebih khusus iaitu proses menaik taraf kedudukan sesebuah hadis setelah dilakukan penjejakan *turuq* manakala *al-i'tibar* adalah lebih umum iaitu melakukan penjejakan *turuq* hadis bagi mengesan kewujudan *syawahid* atau *mutaba'at*.

SOROTAN KAJIAN

Berdasarkan penelitian pengkaji, didapati bahawa kajian berkaitan manhaj ulama hadis *mutaqaddimin*, *muta'akhkhirin* dan *mu'asirin* dalam *taqwiyah* hadith *hasan* dan *da'if* iaitu dari aspek mengumpulkan keseluruhan manhaj para ulama hadis tersebut masih belum dilakukan oleh pengkaji-pengkaji semasa dan terdahulu.

Selain itu, terdapat pelbagai penulisan berkaitan dengan *taqwiyah al-hadith* yang boleh diakses dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu sama ada berbentuk artikel, buku dan lain-lain yang dapat membantu kajian ini dijalankan. Berdasarkan penelitian pengkaji, didapati terdapat beberapa kajian berkaitan *taqwiyah al-hadith*, antaranya ialah *Taqwiyah al-Hadith al-Daif Inda al-'Allamah Abi Al-'Ala al-Mubarakfuri* (2020). Kajian ini merupakan tesis Ijazah Doktor Falsafah oleh 'Abd al-Rahim Sya'idani di Universiti Batna 1, Algeria. Penulisan ini lebih memberi tumpuan kepada manhaj *taqwiyah al-hadith da'if* oleh al-'Allamah Abi al-'Ala al-Mubarakfuri dalam kitabnya iaitu *Tuhfah al-Ahwazi* tanpa membicarakan secara terperinci berkaitan *taqwiyah al-hadith* di sisi para ulama hadis yang lain.

Selain daripada itu, turut ditemui sebuah buku berjudul *al-Irsyadat fi Taqwiyah al-Ahadith bi al-Syawahid wa al-Mutaba'at* (1998). Penulisan ini adalah buku yang ditulis oleh Tariq bin 'Awadallah bin Muhammad yang membicarakan tentang *taqwiyah al-hadith* secara terperinci namun lebih tertumpu kepada *taqwiyah al-hadith* berdasarkan kepada *syawahid* dan *mutaba'at*.

Beliau juga tidak mengkhususkan manhaj *taqwiyyah* di sisi para ulama tertentu seperti kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

Pengkaji turut menemui sebuah kajian berjudul *Manahij al-Muhaddithin fi Taqwiyyah al-Ahadith al-Hasanah wa al-Da'ifah* (1994) oleh al-Murtada al-Zayn Ahmad. Kajian ini merupakan tesis Ijazah Doktor Falsafah yang telah dicetak dan disebarakan. Penulisan ini tertumpu kepada kajian mengenai hadis *da'if* dan pembahagiannya serta kaedah *taqwiyyah* hadis *da'if* tanpa membicarakan secara terperinci manhaj *taqwiyyah al-hadith* menurut ulama hadith *mutaqaddimin*, *muta'akhkhirin*, dan *mu'asirin*.

Di samping itu juga, turut dijumpai sebuah artikel berjudul *Taqwiyyah al-Hadith: Satu Kajian dalam Kitab Fada'il Shahr Ramadan*. Artikel ini merupakan hasil kajian yang dilakukan oleh Mohd Nor Adli Osman et.al (2018) yang membicarakan secara terperinci berkaitan hadis-hadis *da'if* ringan yang terdapat di dalam kitab yang ditulis oleh Ibn Shahin. Kajian ini juga tertumpu kepada *taqwiyyah* hadis-hadis *da'if* ringan yang boleh diangkat martabatnya ke *hasan li ghayrihi*. Namun, kajian ini tidak membicarakan manhaj *taqwiyyah al-hadith* menurut ulama hadis *mutaqaddimin*, *muta'akhkhirin*, dan *mu'asirin* berikutan kajian ini hanya tertumpu kepada Kitab *Fada'il Shahr Ramadan* sahaja.

Sebuah artikel berjudul *Nazariyat Taqwiyyah al-Hadith bi al-Syawahid wa al-Mutaba'at Inda al-Muhaddithin* turut ditemui. Artikel ini merupakan hasil kajian yang dilakukan oleh Hanaffie Hasin et.al (2019) yang membicarakan tentang teori *taqwiyyah al-hadith* yang berkaitan dengan *al-syawahid* dan *al-mutaba'at* menurut ulama hadis. Kajian ini lebih tertumpu kepada kaedah *taqwiyyah* hadis berdasarkan *al-syawahid* dan *al-mutaba'at* serta merungkai secara pratikal melalui kaedah *taqwiyyah* yang diterapkan oleh al-Tirmidhi.

Walaupun terdapat penulisan yang mengupas tentang *taqwiyyah al-hadith* namun kajian tersebut bersifat umum iaitu kajian hanya tertumpu kepada manhaj ulama tertentu atau kajian terhadap kaedah *taqwiyyah* tertentu sahaja tanpa membicarakan secara terperinci manhaj umum ulama hadis *mutaqaddimin*, *muta'akhkhirin*, dan *mu'asirin* dalam melakukan *taqwiyyah al-hadith*.

METODOLOGI KAJIAN

Pada peringkat permulaan, pengkaji merangka dan menyenaraikan tujuan sesuatu penyelidikan dilakukan dengan melakukan pengamatan secara menyeluruh (Sulaiman Masri t.th). Pengkaji mengumpulkan kesemua maklumat, data dan bahan yang diperolehi. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji, antaranya ialah kaedah

penyelidikan kualitatif iaitu meneliti bahan tertulis dan ia tidak melibatkan ukuran dan statistik tertentu (Kamarul Azmi Jasni, 2012). Justeru, pengkaji menggunakan kaedah ini bagi membuat pemerhatian, di samping meneroka dan menyelidik secara mendalam terhadap bahan kajian.

Pengkaji menggunakan beberapa kaedah untuk menganalisis data yang dikumpulkan iaitu:

i. *Kaedah induktif*

Melalui kaedah ini pengkaji akan membuat rumusan atau mengambil pandangan para sarjana lain terhadap data khusus yang diperolehi menjadi kesimpulan umum (Sabhita Marican t.th). Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah ini bagi membuat kesimpulan umum tentang manhaj *taqwiyah al-hadith* ulama hadis *mutaqaddimin*, *muta'akhkhirin*, dan *mu'asirin*

ii. *Kaedah deduktif*

Kaedah ini merupakan satu proses membuat kesimpulan daripada keadaan yang berbentuk umum kepada yang khusus (t.p 2012). Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk menyatakan secara umum manhaj *taqwiyah al-hadith* ulama hadis *mutaqaddimin*, *muta'akhkhirin*, dan *mu'asirin* lantas menerangkan secara terperinci setiap kaedah yang diaplikasikan oleh mereka disamping membawakan contoh-contoh bagi mengukuhkan analisis yang telah dilakukan.

HASIL ANALISIS DAN PERBINCANGAN

ULAMA HADIS *MUTAQADDIMIN*, *MUTA'AKHKHIRIN* DAN *MU'ASIRIN*

Penggunaan istilah ulama hadis *mutaqaddimin* dan *muta'akhkhirin* dalam dunia pengajian hadis bukanlah asing meskipun pembahagiannya mendapat tentangan daripada sebahagian pengkaji hadis kontemporari. Pada asasnya, terdapat isyarat mengenai perbezaan manhaj bagi kedua-dua aliran ini seperti mana yang disentuh oleh ramai sarjana silam, antaranya seperti al-Hakim, Ibn al-Salah dan al-Dhahabi (Mohd Aizul Yaakob & Roshimah Shamsudin, 2022). Namun, pengkelasan kedua-dua istilah ini menurut Munazzahah Zulkifli (2022) dilakukan pada zaman terkemudian. Selaras dengan itu, sejarah perkembangan ilmu hadis menyaksikan kedua-dua istilah ini sering digunakan dalam karya-karya hadis. Justeru, penelitian terhadap maksud istilah-istilah ini diperlukan bagi memahami dengan lebih lanjut lagi perbincangan yang berkaitan dengan *taqwiyah al-hadith* oleh sarjana daripada kedua-dua aliran ini termasuklah istilah *mu'asirin*.

Ibn Manzur (t.th) telah menyatakan bahawa dari segi bahasa *mutaqaddimin* membawa maksud salaf iaitu terdahulu. Manakala, *muta'akhkhirin* bermaksud golongan yang terkemudian. Kedua-dua istilah ini merupakan kata jamak bagi perkataan *mutaqaddim* dan *muta'akhkhir*.

Dalam erti kata lain, penggunaan istilah ini merujuk kepada dua aliran utama dalam dunia kritikan hadis iaitu sarjana yang hidup pada zaman klasik dan juga sarjana terkemudian. Manakala dari segi istilah pula, ulama hadis telah berbeza pandangan dalam menentukan takrifan *mutaqaddimin* dan *muta'akhkhirin*. Perbezaan ini didapati bertitik tolak daripada justifikasi pembatas masa antara dua kelompok sarjana hadith (Mohd Aizul Yaakob & Roshimah Shamsudin, 2022). Antara tokoh yang tampil mengemukakan perbincangan mengenai perkara ini adalah seperti berikut:

- 1) Al-Dhahabi (2009) dalam mukadimah *Mizan al-'Itidal* menyatakan bahawa had pemisah bagi *mutaqaddimin* dan *muta'akhkhirin* ialah 300 tahun kerana menjurus kepada takrifan tiga kurun yang terbaik bermula daripada kurun pertama iaitu zaman para sahabat. Pandangan al-Dhahabi berkenaan had pemisah *mutaqaddimin* dan *muta'akhkhirin* ini telah disokong oleh Sayyid 'Abd al-Majid al-Ghawri (2012).
- 2) Al-Zarkasyi (1998) pula berpandangan bahawa ulama *mutaqaddimin* ialah golongan yang mempunyai ilmu yang luas dalam ilmu hadis, seperti Syu'bah, Ibn Mahdi dan para ulama yang sezaman dengan mereka. Seterusnya, al-Zarkasyi menyatakan Ahmad bin Hanbal, Ibn Madini, Ibn Ma'in dan golongan selepas mereka seperti al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi sehinggalah kepada zaman al-Daraqutni dan termasuklah al-Baihaqi, merupakan ulama *mutaqaddimin*. Dalam hal ini, al-Zarkasyi telah meletakkan al-Baihaqi (w 384 H) sebagai had pemisah antara kedua-dua zaman ini.
- 3) Hamzah al-Malyabari (2003) dalam kitab *Nazarat Jadidah fi 'Ulum al-Hadith* telah membahagikan zaman kepada dua iaitu zaman periwayatan hadis dan zaman selepas periwayatan hadis. Zaman periwayatan hadis bermula sejak zaman sahabat sehingga akhir kurun ke-5 hijrah. Ulama pada zaman tersebut sangat menekankan aspek sanad dalam periwayatan hadis. Mereka meriwayatkan hadis dengan sanad yang tertentu secara langsung tanpa ada perantaraan. Manakala, para ulama pada zaman selepas periwayatan hadis, mereka lebih tertumpu kepada nukilan daripada kitab-kitab yang terdahulu. Justeru, ulama *mutaqaddimin* ialah golongan yang berada semasa zaman periwayatan hadis dan mereka inilah merupakan para *huffaz*. Manakala, ulama yang hidup pada zaman selepas periwayatan hadis, mereka ini adalah golongan *muta'akhkhirin*. Perbincangan di atas menunjukkan bahawa para sarjana hadis berbeza dalam menetapkan pembatas masa bagi kedua-dua aliran ini.

Istilah *mu'asirin* pula yang merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab iaitu *al-'asr* (العصر) mempunyai beberapa maksud dari segi bahasa iaitu tahun, hari dan malam (Ayub Musa, 1998). Manakala dari sudut istilah, Muhammad 'Abdullah (1995) menyatakan bahawa *mu'asirin* merujuk maksudnya kepada para ulama yang hidup pada kurun ke-14 Hijrah ataupun kurun ke-20 Masihi. Antara ulama hadith *mu'asirin* menurut Muhammad 'Abdullah (1995) ialah Muhammad Nasir al-Din al-Albani, 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah dan Shu'aib al-Arna'ut. Mereka telah berkecimpung dalam bidang hadis secara serius dengan menghasilkan pelbagai karya termasuklah melakukan *tahqiq* dan *takhrij al-hadith*.

Dari segi penentuan ulama hadith sebagai *mutaqaddimin* dan *muta'akhkhirin*, sekalipun berlakunya perselisihan pandangan dalam menetapkan takrifan dan pembatas masa, pemisah paling ketara bagi kedua-dua aliran ini adalah manhaj kritikan hadis ((Mohd Aizul Yaakob & Roshimah Shamsudin, 2022). Justeru, Munazzahah Zulkifli (2022) merumuskan bahawa garis masa sahaja tidak mencukupi. Malah aspek yang berkaitan dengan manhaj penilaian hadis oleh mereka juga perlu diperhalusi bagi menentukan kategori sarjana hadis terdahulu dan terkemudian kerana berlaku pertembungan dalam kritik hadis.

PERANAN *AL-MUTABA'AT* DAN *AL-SYAWAHID* DALAM *TAQWIYAH AL-HADITH*

Al-Mutaba'ah dari segi bahasa merupakan perkataan bahasa Arab yang berasal daripada *ism fa'il* *taba'*, *yutabi'*, *mutaba'ah* yang membawa maksud menyetujui (Ibrahim Mustafa, t.th) Manakala dari segi istilah pula bermaksud perkongsian riwayat hadis oleh dua orang perawi daripada seorang sahabat Nabi SAW melalui guru yang sama, secara lafaz ataupun makna (Al-Qudah 2004; al-Tahhan 2004). Ini memberi indikasi bahawa terdapat lebih daripada seorang murid yang mendengar hadis tersebut daripada guru.

Takrifan *al-syawahid* dari segi bahasa juga merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab iaitu *al-syadah* yang membawa makna makruf (diketahui). Dari sudut terminologi, *al-syawahid* bermaksud periwayatan hadis oleh dua orang sahabat Nabi SAW atau lebih dengan lafaz atau makna yang sama (Abu al-Layth 2011). Ini bermakna, bukan hanya seorang sahabat sahaja yang mendengar hadis tersebut daripada Nabi SAW.

Dalam konteks *taqwiyah al-hadith*, *al-mutaba'ah* dan *al-syawahid* memainkan peranan yang sangat penting sebagai riwayat sokongan yang dapat menguatkan sanad hadis yang lain. Dalam hal ini, hadis dengan sanad yang *da'if* contohnya boleh dinaikkan statusnya kepada *hasan*

li ghayrih. Begitu juga dengan *hasan li dhatih* yang boleh berubah status menjadi *sahih li ghayrih* dengan adanya riwayat sokongan dalam bentuk *al-mutaba'ah* dan *al-syawahid*. Menurut Ibn Hajar (2008), dalam beberapa keadaan, *al-mutaba'at* dapat menguatkan hadis iaitu apabila hadis tersebut diriwayatkan oleh perawi yang lemah hafalan, *mastur*, dikaitkan dengan *mursal* dan *mudallas*. Selain itu, harus difahami bahawa *туруq* hadis yang banyak bagi sesebuah hadis tidak semestinya menjadikan kedudukannya berubah menjadi lebih kuat dan baik, bahkan berkemungkinan *туруq* yang banyak dapat mengakibatkan hadis tersebut akan bertambah *da'if* (Al-Qasimi t.th). Jelas bahawa *taqwiyah al-hadith* memerlukan penelitian yang mendalam terhadap sanad hadis khususnya aspek yang berkaitan dengan kedudukan setiap perawi selain melakukan perbandingan antara riwayat.

HADIS-HADIS YANG BOLEH DILAKUKAN TAQWITYAH

Para ulama meletakkan beberapa syarat dalam melakukan *taqwiyah al-hadith*. Mereka hanya menerima hadis *da'if* yang ringan untuk dinaik tarafkan. Antara faktor *da'if* yang ringan menurut Abu al-Layth (2011) adalah seperti berikut:

- 1) Lemah ingatan seperti hadis *al-Mukhtalit*, *al-Mutalaqqin* dan selainnya.
- 2) Terputus sanad sama ada secara zahir mahupun secara tersembunyi seperti hadis *al-mu'allaq*, *al-mursal*, *al-mu'dal*, *al-munqati'*, *al-mudallas* dan *al-mursal al-khafi*.
- 3) *Jahalah* 'adalah seperti hadis *majhul al-'ain*, *majhul al-hal* dan *al-mubham*.

Dalam konteks perawi *mubham*, Ahmad Syakir (t.th) menukilkan pandangan Ibn Kathir (w. 774H) yang menyatakan bahawa perawi *mubham* yang tidak dinamakan atau dinamakan tetapi tidak diketahui keadaannya, maka para ulama tidak menerima hadis riwayatnya. Namun sekiranya riwayat yang melibatkan perawi *mubham* itu berlaku pada *tabaqah* tabiin dan kurun-kurun yang disaksikan bagi mereka kebaikan, riwayatnya diterima. Ini kerana para perawi pada zaman tabiin tidak meriwayatkan hadis melainkan daripada orang yang benar-benar layak. Menurut Ibn Kathir (w. 774H), perkara seperti ini dapat dilihat dalam *Musnad Ahmad* dan juga karya hadis yang lain.

Justeru, hadis-hadis yang boleh dinaik tarafkan ialah hadis *hasan li dhatih*, *hasan li ghayrih*, *al-mu'allaq*, *al-mursal*, *al-mu'dal*, *al-munqati'*, *al-mudallas*, *al-mursal al-khafi*, *majhul al-hal*, *majhul al-'ain*, *al-mubham*, *al-mukhtalit*, dan *al-mutalaqqin* (Abu al-Layth, 2011). Hal ini menunjukkan terdapat beberapa kategori hadis *da'if* yang boleh dilakukan *taqwiyah* khususnya

kedaifan hadis yang disebabkan oleh faktor sanad yang terputus, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh sarjana hadis.

HADIS-HADIS YANG TIDAK BOLEH DILAKUKAN *TAQWITYAH*

Penjejakan *turuq* lain bagi sesuatu hadith merupakan suatu kaedah yang sering ditekankan oleh para ulama hadis. Kaedah ini bukan sahaja dapat menguatkan dan menyokong sesuatu hadis malah dapat mengenal pasti perawi yang *mubham*, *'illah* pada hadis dan sebagainya. Namun, kepelbagaian *turuq* ini bukanlah menjadi jaminan untuk mengangkat kedudukan sesuatu hadis. Malah, kemungkinan *turuq* yang banyak itu akan menambah lagi kedaifan hadis tersebut. Al-Albani (1999) dalam kitabnya *Tamam al-Minnah fi al-Ta'liq 'ala Fiqh al-Sunnah* didapati menyebut mengenai perkara ini dalam ungkapannya seperti berikut:

“Antara perkara masyhur dalam kalangan ulama ialah jika sesuatu hadis itu datang daripada turuq yang banyak, hadis tersebut akan menjadi kuat dan hujah walaupun setiap turuq adalah da'if. Sebenarnya, kenyataan ini bukanlah secara umum, kerana di sisi ulama yang sangat teliti, ia bergantung kepada sifat da'if tersebut dari sudut kelemahan hafalan periwayatnya dan bukanlah berkaitan dengan perawi yang dituduh terhadap kebenaran dan agama mereka. Maka, sekiranya ia berkaitan dengan perawi yang dituduh, hadis tersebut tidak akan menjadi kuat walaupun didatangi dengan turuq yang banyak.”

Pandangan al-Albani didapati selaras dengan pandangan al-Qasimi (t.th.) yang turut menyatakan bahawa bukanlah semua hadis *da'if* itu boleh dinaik taraf apabila mempunyai *turuq* yang banyak. Malah, kemungkinan *turuq* yang banyak tersebut dapat menambahkan lagi kedaifan sedia ada pada hadis tersebut. Dalam hal ini, antara contoh hadis *da'if* yang tidak dapat dinaik tarafkan menurut al-Murtada al-Zayn (1994) ialah hadis:

مَنْ حَفِظَ عَلَى أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيثًا مِنْ أَمْرِ دِينِهَا بَعَثَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي زَمْرَةِ الْفُقَهَاءِ وَالْعُلَمَاءِ

Maksudnya: “sesiapa yang menghafal daripada umatku empat puluh hadis berkenaan urusan agama mereka, Allah akan bangkitkannya pada hari Kiamat kelak bersama golongan fuqaha dan ulama”.

Dalam huraian, al-Murtada al-Zayn membawakan pandangan al-Nawawi (w. 676H) yang menyatakan para *huffaz* telah bersepakat mengenai kedaifan hadis ini sekalipun mempunyai *turuq* yang banyak. Secara lebih spesifik, walaupun mempunyai dua puluh lima *turuq* daripada tiga belas orang sahabat, hadis ini tidak dapat dinaik taraf kepada hadis *hasan li ghayrih* kerana ia termasuk dalam kategori *da'if* yang berat. Perinciannya dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah:

Penilaian Terhadap Perawi	Jumlah Sanad Hadis
1. Perawi berdusta dan dituduh berdusta	16 sanad
2. Perawi <i>matruk al-hadith</i>	3 sanad
3. Perawi <i>majhul</i> dan juga <i>da'if</i> (melibatkan hadith <i>mu'allaq</i>)	5 sanad
4. Perawi <i>majhul</i> (dua orang perawi) dan berlaku <i>inqita'</i> pada sanad	1 sanad

Jadual 1: Perincian Sanad Hadis “*Sesiapa daripada umatku yang menghafal empat puluh hadis*”

Al-Suyuti (w. 911H) turut berpandangan bahawa hadis *da'if* yang berat sama sekali tidak menguatkan atau dikuatkan dengan hadis yang lain. Justeru, hadis *da'if* yang berat tidak dapat *taqwiyyah*. Antara ciri hadis *da'if* yang berat ialah apabila salah seorang perawinya adalah pendusta, dituduh berdusta, perawi fasik, hadis *syadh* dan *munkar* selain memiliki *'illah qadiah* sama ada secara tersembunyi ataupun secara zahir (Abu al-Layth, 2011). Sehubungan itu, kategori hadis yang tidak boleh *taqwiyyah* adalah seperti berikut:

1. Hadis *munkar*
2. Hadis *ma'lul*
3. Hadis *syadh* seperti *al-mudraj*, *al-maqhub*, *al-mazid fi muttasil al-asanid*, *al-mudtarib*, *al-musahhaf*, *al-muharraf* (Abu al-Layth, 2011).

Secara umumnya, hadis *da'if* yang disebabkan oleh *'illah* dan juga percanggahan dengan riwayat yang lebih kuat termasuk dalam kategori hadis yang tidak boleh dilakukan *taqwiyyah*.

ANALISIS MANHAJ ULAMA HADIS *MUTAQADDIMIN*, *MUTA'AKHKHIRIN* DAN *MU'ASIRIN* DALAM *TAQWIYAH* HADIS *HASAN* DAN *DA'IF*

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa ulama hadis *mutaqaddimin*, *muta'akhkhirin* dan *mu'asirin* kesemuanya mempunyai manhaj tersendiri dalam melakukan *taqwiyyah* hadis *hasan* dan *daif*.

MANHAJ ULAMA HADIS *MUTAQADDIMIN*

Golongan pertama dalam kalangan ulama hadis *mutaqaddimin* telah menyatakan bahawa hadis *da'if* tidak boleh dilakukan *taqwiyyah* secara mutlak walaupun didatangi dengan pelbagai *turuq*.

Pandangan ini dinisbahkan kepada Ibn Hazm (w 456H). Al-Zarkasyi (1998) menyatakan bahawa Ibn Hazm telah *syadh* dengan jumhur para ulama apabila beliau berpandangan bahawa hadis *da'if* tidak dapat dilakukan *taqwiyyah*. Pandangan Ibn Hazm dapat dilihat dalam ungkapan beliau seperti berikut:

“Sekiranya sesuatu hadis didatangi dengan seribu turuq yang da'if, ia tetap tidak akan menguatkan satu sama lain bahkan akan menambah kedaihan hadis tersebut.”

Namun pandangan ini telah dikritik oleh Muhammad bin ‘Umar bin Salam (t.th). Kritiknya adalah seperti berikut:

“Tidak diketahui para ulama sebelum Ibn Hazm menyatakan pandangan sedemikian. Apa-apa pandangan yang dinisbahkan ke atas para ulama mutaqaddimin iaitu mendakwa sebahagian daripada mereka tidak menguatkan hadis da'if apabila didatangi dengan turuq yang pelbagai, adalah tidak tepat. Hal ini kerana manhaj para ulama meneliti hadis adalah berbeza. Mereka menguatkan sebahagian hadis da'if apabila mempunyai turuq yang banyak, manakala sebahagian hadis yang lain pula mereka tidak menguatkannya walaupun mempunyai turuq yang pelbagai. Hal ini menunjukkan bahawa tidaklah dilarang secara mutlak melakukan taqwiyyah dengan turuq yang pelbagai. Maka, pandangan yang menyatakan bahawa ulama mutaqaddimin tidak melakukan taqwiyyah secara mutlak adalah tidak relevan. Begitu juga dengan pandangan yang menyatakan bahawa ulama mutaqaddimin melakukan taqwiyyah secara mutlak tanpa meneliti sesuatu hadis juga adalah tidak tepat. Hal ini dapat dilihat apabila al-Syafi'i (w. 204H) yang merupakan salah seorang ulama mutaqaddimin tetap melakukan taqwiyyah terhadap hadis mursal apabila didatangi dengan pelbagai turuq walaupun hadis mursal tersebut pada asalnya adalah da'if.”

Golongan kedua daripada ulama hadis *mutaqaddimin* pula menyatakan boleh hadis *da'if* boleh dilakukan *taqwiyyah* kepada *hasan li ghayrih* dengan beberapa elemen yang menjadi teras manhaj mereka. Antara manhaj mereka ialah meneliti *turuq* yang pelbagai. Para ulama *mutaqaddimin* telah menjadikan manhaj meneliti *turuq* yang pelbagai sebagai faktor utama dalam melakukan *taqwiyyah al-hadith*. Sanad atau *turuq* yang pelbagai ini akan saling menyokong antara satu sama lain bahkan akan saling menguatkan dan berupaya untuk menaik tarafkan kedudukan sesuatu hadis *da'if*.

Menurut Abu al-Layth (2011), manhaj ini sebenarnya telah diasaskan oleh para sahabat. Hal ini dapat dilihat apabila Abu Bakr RA telah meminta penyaksian daripada al-Mughirah bin Syu'bah RA dan sahabat yang lain mengenai hadis *al-jaddah* (kisah perwarisan bagi nenek iaitu sebanyak satu perenam) daripada Rasulullah SAW. Begitu juga kisah ‘Umar bin al-Khattab RA yang meminta Abu Musa al-Asy'ari RA membawakan seorang saksi yang lain bagi menguatkan

sebuah hadis berkaitan dengan *al-isti'dhan* (meminta izin). Hal ini menunjukkan bahawa kaedah ini telah dirintis oleh para sahabat Nabi SAW.

Selain itu, ‘Ajjaj al-Khatib (1996) pula mengaitkan kaedah meneliti *туруq* yang pelbagai dengan pendekatan yang telah diambil oleh Ahmad bin Hanbal apabila berinteraksi dengan hadis riwayat Ibn Lahi‘ah. Ahmad bin Hanbal (w. 241H) telah menulis banyak hadis-hadis Nabi SAW walaupun hadis tersebut diriwayatkan daripada Ibn Lahi‘ah yang dikenali sebagai seorang perawi yang lemah. Hal ini dapat dilihat dalam ungkapan Ahmad bin Hanbal yang bermaksud “*Tidaklah hadis Ibn Lahi‘ah itu dapat dijadikan hujah, dan sesungguhnya aku menulis banyak hadis yang boleh dijadikan i‘tibar daripadanya dan hadis-hadis daripada Ibn Lahi‘ah dapat menguatkan antara satu sama lain*”.

Seterusnya, manhaj golongan kedua juga ialah meneliti penerimaan umat Islam terhadap hadis-hadis Nabi SAW. Menurut Abu al-Layth (2011), para ulama *mutaqaddimin* tidak secara jelas menjadikan manhaj penerimaan umat Islam terhadap hadis sebagai suatu gagasan dalam manhaj *taqwiyah al-hadith* di sisi mereka. Bahkan tiada sebarang kenyataan yang jelas menunjukkan para ulama *mutaqaddimin* melakukan *taqwiyah* hadis *da‘if* kepada *hasan* ataupun *sahih* apabila hadis tersebut menepati kesepakatan umat Islam. Manhaj ini pada asasnya diungkapkan oleh Abu al-Layth sebagai penambahan daripada beliau yang pada dasarnya didapati berasaskan pengamalan tokoh-tokoh hadith terdahulu dalam berinteraksi dengan hadis-hadis Nabawi. Ujar beliau lagi, penerimaan umat Islam terhadap sesuatu hadis menjadi sebahagian daripada manhaj ulama hadis termasuklah ulama hadis *mutaqaddimin* dalam *taqwiyah al-hadith* atas justifikasi bahawa ia sudah sampai ke tahap ilmu yakin.

Justeru, antara tokoh ulama *mutaqaddimin* yang menggunakan manhaj penerimaan umat Islam terhadap hadis ialah Ibn ‘Abd al-Barr (w 463H) yang didapati mengaplikasikan manhaj ini dalam kitabnya *Subul al-Salam* apabila beliau mensahihkan sebuah hadis yang asalnya *da‘if* dengan sebab penerimaan umat Islam terhadapnya. Antara contoh hadis yang dinilai sebagai *sahih* adalah hadis tentang air laut iaitu:

الطَّهْرُ مَاؤُهُ، وَالْحِلُّ مَيْتَتُهُ

Maksudnya: “*Suci airnya dan halal bangkai di dalamnya.*”

Ketika menerangkan contoh hadis ini, Ibn ‘Abd al-Barr (t.th) menyatakan bahawa hadis ini sebenarnya tidak diterima kesahihannya dari sudut sanad hadis. Hal ini kerana berlakunya *waham* terhadap salah seorang daripada perawinya. Walaupun terdapat ulama hadis yang

mempertikaikan kesahihan hadis ini, antaranya al-San‘ani (2013) yang menyatakan bahawa hadis ini mempunyai sembilan *туруq* dari sembilan sahabat dan kesemuanya tidak sunyi daripada pertikaian. Namun, Ibn ‘Abd al-Barr tetap menilainya sebagai *sahih* kerana umat telah bersepakat menerima hadis ini walaupun terdapat tokoh yang menilai kesemua *туруq* hadis ini sebagai *da‘if*.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa manhaj para ulama hadis *mutaqaddimin* dalam *taqwiyah al-hadith* adalah melalui penjejakan *туруq* yang pelbagai dan penelitian terhadap penerimaan umat Islam terhadap hadis Nabawi.

MANHAJ ULAMA HADIS *MUTA’AKHKHIRIN*

Para ulama hadis dalam kalangan *muta’akhkhirin* juga tidak terlepas daripada menjadikan manhaj meneliti *туруq* yang pelbagai sebagai tunjang utama dalam menguatkan dan menyokong sesuatu hadis. Hal ini dapat dilihat melalui pandangan al-Nawawi (w. 676H) ketika menerangkan tentang hadis *da‘if*. Beliau menyatakan bahawa *туруq* yang pelbagai bukanlah menjadi syarat hadis tersebut dapat *ditaqwiyahkan*. Namun, sekiranya hadis *da‘if* berpunca daripada perawi yang *saduq*, ataupun riwayat *mursal*, hadis tersebut boleh *ditaqwiyahkan* menjadi *hasan* apabila didatangi dengan pelbagai *туруq*. Oleh yang demikian, dapatlah diketahui daripada pandangan al-Nawawi iaitu penelitian *туруq* adalah proses bagi membolehkan sesuatu hadis berubah keadaannya menjadi lebih kuat atau sebaliknya. Al-Nawawi juga memberi penekanan bahawa perlu diteliti dahulu sifat-sifat kedaifan sesuatu hadis sebelum dilakukan *taqwiyah*.

Menurut Ibn Taymiyyah (w. 728H) pula *туруq* yang pelbagai dapat menguatkan antara satu sama lain malah ia juga dapat menyingkap sebarang *‘illah* yang terdapat dalam sesuatu riwayat hadis. Sekiranya sesuatu hadis diriwayatkan oleh perawi yang lemah, maka ia dapat dikuatkan dengan adanya *туруq* yang pelbagai. Bahkan, riwayat-riwayat hadis oleh para tokoh ilmuan Islam seperti ‘Abdullah bin Lahi‘ah turut diterima iaitu sebelum beliau banyak melakukan kesilapan. Hal ini boleh dilihat menerusi kata-kata Ibn Taymiyyah (1995) seperti berikut :

“Sesungguhnya туруq yang pelbagai akan menguatkan antara satu sama lain, sehinggakan dapat mengetahui sesuatu tentangnya walaupun dinukilkan orang-orang yang melakukan kefasikan. Oleh itu, bagaimana pula dengan para ulama yang ‘adil tetapi banyak melakukan kesilapan dalam hadis seperti ‘Abdullah bin Lahi‘ah yang merupakan salah seorang daripada para ulama Islam yang besar, dan beliau adalah kadi di Mesir, banyak meriwayatkan hadis tetapi kitab-kitabnya telah terbakar. Maka beliau banyak meriwayatkan hadis dengan hafalannya yang

menyebabkan banyak berlaku kesilapan sedangkan hadis riwayatnya sebelum itu kebanyakannya adalah sahih.”

Oleh yang demikian, dapat difahami daripada kata-kata Ibn Taymiyyah bahawa antara kepentingan penjejakan *turuq* yang pelbagai ialah dapat menyingkap kesilapan dan *'illah* yang berlaku terhadap hadis.

Tambahan pula, Ibn Hajar (1981) dalam kitabnya *al-Qaul al-Musaddad* turut berpandangan bahawa apabila sesuatu hadis itu mempunyai *turuq* yang pelbagai daripada sumber yang berbeza, maka ia akan menambah kekuatan matan hadis. Tuntasnya daripada kata-kata Ibn Hajar memperlihatkan bahawa matan sesuatu hadis dapat dikuatkan dengan adanya *turuq* yang pelbagai.

Selain itu, para ulama hadis *muta'akhkhirin* juga turut menjadikan penerimaan umat Islam terhadap hadis-hadis Nabi SAW sebagai medan *taqwiyah al-hadith*. Misalnya, hadis *da'if* yang ringan apabila umat menerimanya maka hadis tersebut dapat dinaik tarafkan dan dikuatkan martabatnya. Pandangan ini dinisbahkan kepada al-Ghazali (w 505H) yang dilihat telah mengaplikasikan kaedah ini dalam melakukan *taqwiyah al-hadith*. Al-Ghazali (1992) telah mengemukakan contoh hadis yang diterima oleh umat Islam iaitu berkaitan dengan pensyariatan *qiyas* seperti berikut:

“Ketika Rasulullah S.A.W mengutuskan Mu'adh bin Jabal RA ke Yaman, Baginda bersabda, ‘Bagaimana kamu memutuskan perkara?’ (Mu'adh menjawab), ‘Aku putuskan dengan al-Quran’. Baginda bersabda, ‘Kalau ia tidak terdapat dalam al-Quran?’ Mu'adh berkata, ‘Aku akan putuskan dengan Sunnah Rasulullah’. Baginda bersabda, ‘Kalau ia tidak terdapat dalam al-Quran dan Sunnah?’ Mu'adh menjawab, ‘Aku akan berjihad dengan pendapatku’. Maka baginda bersabda, ‘Segala puji bagi Allah yang telah memberi petunjuk kepada utusan Rasulullah’ (Al-Tirmidhi 1975).

Ketika membincangkan contoh hadis tersebut, al-Ghazali (1992) telah memberi komentar bahawa umat Islam telah menerima hadis ini dan tidaklah diketahui seorang pun yang mengkritik dan menolak hadis ini. Justeru, hal ini jelas menunjukkan bahawa al-Ghazali menerima hadis ini walaupun ia telah nilai sebagai *da'if* oleh sebahagian ulama hadis antaranya al-Bukhari (t.th), al-Tirmidhi, Ibn al-Jauzi dan Ibn Hazm. (Ibn Hajar t.th).

Tokoh lain yang didapati turut mengaplikasikan manhaj penerimaan umat Islam dalam *taqwiyah al-hadith* ialah Ibn al-Qayyim (w. 751H). Dalam hal ini, beliau (2011) telah menyatakan bahawa sesebuah hadis yang tidak *thabit* dari sudut sanadnya apabila ia dinukil daripada

seseorang kepada seseorang yang lain dan dijadikan sebagai hujah, hadis tersebut diterima. Kenyataan ini berdasarkan kata-kata beliau yang bermaksud:

“Para ahli ilmu menukilkan dan berhujah dengannya, di sisi mereka hadis-hadis tersebut adalah sahih seperti هو الطهور مأوّه، الحِلُّ مَيْتُهُ

.. وصيّة لوارث.. Kesemua hadis ini dari sudut sanadnya adalah tidak thabit tetapi hadis tersebut dianggap sebagai sahih apabila diterima oleh umat Islam. Begitu juga dengan hadis Mu’adh, hadis tersebut dijadikan hujah oleh kebanyakan ulama”

Di samping itu, terdapat beberapa ulama hadis dalam kalangan *muta’akhkhirin* yang mengiktiraf kesahihan sesuatu hadis dengan mengambil kira ketepatannya yang selaras dengan zahir al-Quran. Menurut Abu al-Layth (2011), manhaj meletakkan zahir al-Qur’an sebagai medan kayu ukur terhadap kesahihan sesuatu hadis sebenarnya bukanlah manhaj para ulama hadis namun ia adalah manhaj sebahagian *fuqaha’*. Walaupun begitu, para ulama hadis tetap menjadikan zahir al-Qur’an sebagai medan mengukur kepalsuan sesuatu hadis apabila melihat sesuatu hadis itu sama ada bercanggah atau tidak dengan zahir al-Qur’an. Justeru, Abu al-Layth berpandangan bahawa sekiranya zahir al-Qur’an dapat dijadikan kayu ukur kepada kepalsuan sesuatu hadis mengapa ia tidak dijadikan kayu ukur terhadap kesahihan hadis. Oleh itu, beliau menerima zahir al-Qur’an sebagai elemen *taqwiyah al-hadith*. Manhaj ini pada dasarnya didapati berasaskan pengamalan tokoh-tokoh hadith *muta’akhkhirin*.

Ibn Taymiyyah (1995) juga didapati mengaplikasikan manhaj meletakkan zahir al-Qur’an sebagai medan *taqwiyah al-hadith*. Hal ini dapat dilihat apabila beliau telah mensahihkan sebuah hadis dalam kitabnya *Majmu’ al-Fatawa* seperti berikut:

إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ، فَإِذَا كَبَّرَ فَكَبِّرُوا، وَإِذَا قَرَأَ فَأَنْصِتُوا

Maksudnya: “*Sesungguhnya dijadikan imam itu untuk diikuti, apabila dia bertakbir maka bertakbirlah, apabila imam itu membaca daripada ayat-ayat al-Qur’an maka diamlah.*”

Ketika membincangkan hadis tersebut, Ibn Taymiyyah (1995) menyatakan bahawa lafaz akhir hadis iaitu (وَإِذَا قَرَأَ فَأَنْصِتُوا) merupakan penambahan dalam hadis yang mana ia disahihkan oleh Muslim, Ahmad dan selainnya. Namun, penambahan lafaz tersebut adalah *da’if* menurut al-Bukhari. Walaubagaimanapun, Ibn Taymiyyah menyatakan bahawa penambahan lafaz tersebut

adalah selaras dengan al-Qur'an dan sekiranya hadis tersebut tidak *sahih* sekalipun, ia tetap diwajibkan beramal dengan al-Qur'an iaitu sepertimana firman Allah SWT seperti berikut:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: ‘Dan apabila dibacakan al-Qur'an, maka dengarkanlah dan diamlah, agar kamu mendapat rahmah’. (Al-A'raf : 204)

Justeru, dapatlah difahami dari kata-kata Ibn Taymiyyah bahawa beliau juga turut mengaplikasikan manhaj ini iaitu meneliti hadis yang bertepatan dengan al-Qur'an dalam menilai kesahihan sesebuah hadis.

Al-Zarkasyi (1998) dalam kitabnya *al-Nukat 'ala Ibn al-Salah* didapati menukulkan daripada Abi al-Hasan al-Andalusi (w. 611H) tentang manhaj sebahagian *fuqaha'* yang mensahihkan sesuatu hadis apabila zahirnya bertepatan dengan al-Qur'an. Abi Hasan al-Andalusi menjelaskan bahawa apabila sesuatu hadis itu selaras dengan al-Qur'an dan juga usul dalam agama serta tidak terdapat pada sanadnya perawi yang berdusta, maka hadis itu diterima dan diamalkan. Kenyataan ini berdasarkan penjelasan Abi Hasan al-Andalusi yang bermaksud:

“*Sesungguhnya seorang faqih itu mengetahui kesahihan hadis apabila ia telah selaras dengan usul atau ayat-ayat daripada kitab Allah, maka diterima hadis tersebut dan beramal dengannya dan beriktikad dengan kesahihannya, sekiranya pada sanad hadis tersebut tidak ada perawi yang berdusta.*”

Para ulama hadis *muta'akhkhirin* juga ketika melakukan *taqwiyah al-hadith* turut meletakkan beberapa syarat yang perlu dipenuhi terlebih dahulu. Dalam erti kata lain, mereka tidak bermudah-mudahan dalam menguatkan sesuatu hadis apabila didatangi dengan *turuq* yang pelbagai. Pendek kata, mereka melakukan penelitian terlebih dahulu terhadap keseluruhan *turuq* hadis. Antara elemen yang digariskan oleh mereka ialah hadis asal bukanlah *da'if* yang berat kerana hadis *da'if* yang berat tidak dapat sama sekali menguatkan ataupun dikuatkan dengan hadis yang lain. Hal ini jelas dapat dilihat daripada pandangan al-Suyuti (2014) dalam kitabnya *Tadrib al-Rawi* yang menyatakan bahawa riwayat perawi yang *da'if* yang disebabkan oleh kefasikan dan pendustaan tidak akan memberi apa-apa kesan kepada *mutaba'at* dan *syawahid*.

Selain itu, para ulama hadis *muta'akhkhirin* bukan sahaja meneliti elemen yang boleh menaik tarafkan status sesuatu hadis malah mereka menekankan juga elemen yang tidak boleh menaik tarafkan sesuatu hadis. Para ulama hadith *muta'akhkhirin* menolak pengamalan mujtahid, alim ataupun mufti sebagai indikator terhadap *tashih* dan *tad'if* serta sebagai medan

taqwiyah sesebuah hadis. Hal ini dapat dilihat apabila Ibn al-Salah (2013) menyatakan bahawa pengamalan seseorang mujtahid bukanlah menjadi petanda terhadap penerimaan atau penolakan sesuatu hadis. Hal ini dapat difahami daripada kata-kata beliau yang bermaksud:

“Sesungguhnya pengamalan sesuatu hadis oleh seorang ulama atau mufti bukanlah ia menjadikan hadis tersebut dinilai sebagai sahih. Begitu juga sekiranya mereka menolak atau tidak menjadikan hadis tersebut sebagai hujah bukanlah bermakna hadis tersebut tidak sahih.

Para ulama hadis *muta’akhkhirin* juga menolak sebahagian elemen yang dilihat bercanggah dengan kaedah asal dalam melakukan *tashih* dan *tad’if* serta dalam melakukan *taqwiyah al-hadith* seperti sebahagian orang yang menjadikan mimpi bertemu Nabi SAW dan juga menjadikan solat istikharah sebagai medan menilai sesuatu hadis (Abu al-Layth 2011).

Justeru, dapat disimpulkan bahawa para ulama hadis *muta’akhkhirin* mempunyai manhaj tersendiri dalam medan *taqwiyah al-hadith*. Manhaj mereka didapati selaras dengan ulama hadis *mutaqaddimin* dalam aspek menjejaki *turuq* hadis dan penelitian terhadap penerimaan umat Islam terhadap hadith Nabawi. Namun, para ulama hadis *muta’akhkhirin* mempunyai pendekatan sendiri terutamanya dalam menonjolkan elemen dalam penerimaan dan penolakan terhadap sesuatu hadis ketika melakukan *taqwiyah al-hadith*.

MANHAJ ULAMA HADIS MU’ASIRIN

Para ulama hadis *mu’asirin* turut bersepakat menyatakan *turuq* yang pelbagai dapat menaik tarafkan status sesebuah hadis. Hal ini dapat dilihat apabila ulama hadis *mu’asirin* seperti al-Albani (t.th) yang sangat menekankan aspek penelitian *turuq* yang pelbagai sehingga menjadikan ia sebagai teras utama manhaj beliau. Beliau selanjutnya menjelaskan bahawa para ulama hadis telah bersepakat bahawa sesuatu hadis *da’if* misalnya, apabila didatangi dengan *turuq* yang pelbagai, ia dapat menguatkan hadis tersebut. Namun, sekiranya hadis tersebut adalah dalam bentuk periwayatan secara *al-tafarrud*, kedudukannya tidak berubah. Kenyataan ini jelas dapat dilihat daripada kata-kata beliau yang bermaksud:

“Sudah diketahui dalam kalangan para ulama yang menyibukkan diri mereka dengan Sunnah bahawa hadis pada kebiasaannya mempunyai banyak turuq dan kemungkinan kesemuanya adalah da’if sama ada da’if yang ringan atau sebaliknya. Dan telah menjadi kesepakatan para ulama bahawa hadis yang da’if mempunyai satu tariq sahaja maka ia tidak dapat dikuatkan, manakala sekiranya ia mempunyai turuq yang lain sama ada turuq itu sahih justeru ia dapat dikuatkan.”

Antara contoh hadis yang dilakukan penjejakan *turuq* oleh al-Albani (2002) dalam karyanya *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah* adalah seperti berikut:

لَقِيَامِ الرَّجُلِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ (سَاعَةً) أَفْضَلُ مِنْ عِبَادَةِ سِتِّينَ سَنَةً

Maksudnya: “Seseorang lelaki sekiranya berjihad di jalan Allah walaupun seketika adalah lebih afdhal daripada beribadah selama 60 tahun.”

Menurut al-Albani (2002), hadis ini diriwayatkan oleh al-‘Uqayli dalam kitabnya *al-Du‘afa’* dan al-Khatib dalam *al-Tarikh* melalui Isma‘il bin ‘Abdullah bin Salman al-Makki yang berkata: “Telah menceritakan al-Hasan daripada ‘Anran bin Husain secara marfu’ dan hadis ini *ghair mahfuz*”. Namun, al-Albani memberi komentar bahawa hadis ini sebenarnya bukan *al-tafarud*. Ini kerana terdapat *syahid* daripada hadis yang diriwayatkan oleh Abi Hurayrah RA. Justeru, pada hujung perbincangan hadis, al-Albani menyatakan bahawa demikianlah antara kepentingan penjejakan *turuq* yang pelbagai apabila sesuatu riwayat yang sanadnya adalah *da‘if* tidak menyebabkan hadis tersebut kekal *da‘if*. Perubahan status hadis ini adalah disebabkan adanya riwayat sokongan dalam bentuk *syahid*.

Di samping itu, para ulama hadis *mu‘asirin* juga menekankan elemen tertentu dalam melakukan *taqwiyyah al-hadith*. Menurut ‘Ajjaj al-Khatib (t.th), dalam bukunya *Usul al-Hadith*, hadis *da‘if* yang ringan yang disebabkan oleh kelemahan hafalan dan ingatan yang tidak memberi kesan kepada ‘adalah perawi seperti *ghalfah*, buruk hafalan, *waham*, *al-ikhtilat* dan sebagainya boleh ditaqwiyyahkan daripada *da‘if* kepada *hasan li ghayrih*. Namun, sekiranya kedaifan hadis tersebut adalah disebabkan oleh tohmahan terhadap ‘adalah perawi seperti pendustaan terhadap Nabi SAW atau dituduh berdusta ataupun sering melakukan pendustaan terhadap manusia, fasik, melakukan bidaah yang membawa kepada kekufuran, hadis tersebut tidak boleh ditaqwiyyahkan. Justeru, para ulama hadis *mu‘asirin* menekankan elemen tertentu dalam *taqwiyyah* iaitu hadis *da‘if* yang ringan saja.

Akhir sekali, para ulama hadis *mu‘asirin* telah menghadapi suatu permasalahan baharu pada era ini. Perkembangan pesat yang berlaku dari segi kemajuan sains dan teknologi telah menyebabkan segelintir ilmuan menggunakan penemuan sains sebagai pertimbangan untuk mengkritik hadis dan juga *taqwiyyah al-hadith*. Sehubungan itu, para ulama *mu‘asirin* telah berbeza pandangan dalam hal ini kerana permasalahan ini tidak berlaku pada zaman ulama *mutaqaddimin*. Antara ulama yang melarang dilakukan *taqwiyyah al-hadith* dengan penemuan

sains ialah Abu al-‘Ala’ al-Mawdudi. Bukan itu saja, ulama *mu‘asirin* juga turut menolak kasyaf sebagai kaedah *taqwiyah al-hadith* (Abu al- Layth, 2011).

Tuntasnya, para ulama hadis *mu‘asirin* turut mengaplikasikan kaedah yang telah digunakan oleh ulama hadis *mutaqaddimin* dan *muta‘akhkhirin* dalam *taqwiyah al-hadith* iaitu menjejaki *turuq* yang pelbagai dan penerimaan umat Islam terhadap sesuatu hadis Nabawi. Namun, ulama hadis *mu‘asirin* mempunyai manhaj tersendiri dalam beberapa keadaan terutamanya dalam meneliti elemen yang tertentu dan kemunculan ilmu baharu yang cuba dijadikan kaedah dalam *taqwiyah al-hadith*.

KESIMPULAN

Para ulama hadis *mutaqaddimin*, *muta‘akhkhirin* dan *mu‘asirin* mempunyai manhaj tersendiri dalam melakukan *taqwiyah al-hadith*. Namun, manhaj utama mereka tertumpu kepada penelitian terhadap *turuq* yang pelbagai yang melibatkan *al-syawahid* dan *al-mutaba‘at*. Ia menjadi teras utama dalam melakukan *taqwiyah al-hadith*. Perbezaan manhaj mereka dalam *taqwiyah al-hadith* pula dalam dilihat dalam aspek yang berkaitan dengan beberapa elemen yang menjadi asas pertimbangan iaitu penerimaan umat terhadap hadis, keselarasan dengan zahir al-Quran dan juga pengamalan mujtahid dengan hadis tertentu.

Ringkasnya, *taqwiyah al-hadith* bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Menaik tarafkan sesuatu hadis daripada *da‘if* kepada *hasan li ghayrih* atau *hasan li dhatih* kepada *sahih li ghayrih* memerlukan penelitian yang mendalam dan hanya ulama hadis yang mahir sahaja dapat melakukan perkara ini.

RUJUKAN

- Abdullah, M. (1995). *Juhud al-Mu‘asirin fi Khidmat al-Sunnah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Abu al-Layth, K.A. (2011). *‘Ulum al-Hadith Asiluha wa Mu‘asiruha*. Selangor: Dar al-Syakir.
- Al-Albani, M. N. D. (1999). *Tamam al-Minnah fi al-Ta‘liq ‘ala Fiqh al-Sunnah*. t.tp: Dar al-Rayah.
- Al-Albani, M. N. D. (2002). *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah*. Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nasyr wa al-Tauzi‘.
- Al-Bayhaqi, A. H. (1991). *Ma‘rifah al-Sunan wa al-Athar*. Beirut: Dar al-Qutaybah.

- Al-Dhahabi, M. A. (2009). *Mizan al-I'tidal*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Ghawri, S. A. M. (2012). *Mawsu'ah 'Ulum al-Hadith*. Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- Al-Ghazali, M.M. (1992). *Al-Mustasfa*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Khatib, M. A. (1996). *Usul al-Hadith*. Al-Rahman (t.tp).
- Al-Khatib, A.A. *Al-Jami' li Akhlak al-Rawi wa Adab al-Sami'*. (t.tp) Tahqiq: Mahmud al-Tahhan. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Malyabari, H.. (2003). *Nazarat Jadidah fi 'Ulum al-Hadith*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Qasimi, M. J. D. (t.th). *Qawa'id al-Tahdith*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Al-Qudah, S. (2004). *Al-Minhaj al-Hadith fi 'Ulum al-Hadith*. 'Amman: al-Akademi' li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-San'ani, M.I. (2013). *Subul al-Salam*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Suyuti, J. D. (2014). *Tadrib al-Rawi*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Tahhan, M. (2004). *Taysir Mustalah al-Hadith*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Tirmidhi, M.I. (1975). *Al-Sunan*. Mesir: Maktabah Mustafa.
- Awadallah, T. (1998). *Al-Irsyadat fi Taqwiyah al-Ahadith bi al-Syawahid wa al-Mutaba'at*. Al-Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Al-Zain, M. (1415H). *Manahij al-Muhaddithin fi al-Taqwiyah al-Ahadith al-Hasanah wa al-Da'ifah*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Zarkasyi, B.D. M. (1998). *Al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah*. Riyadh: Adwa' al Salaf.
- Hanaffie bin Hasin, Ahmad Kamil bin Jamilin, Muhammad Rozaimi bin Ramle. (2019). *Nazariyat Taqwiyah al-Hadith Bi al-Syawahid wa Al-Mutaba'at Inda al-Muhaddithin*. Journal of Hadith Studies. Vol 4. No 1 (June 2019) e-ISSN: 2550-1448.
- Ibn 'Abd al-Barr, Y.A.M. (t.th). *Al-Tamhid. Tahqiq* Mustafa bin Ahmad. Wizarah 'Umum al-Awqaf.

- Ibn al-Salah, A. A. U. (2013). *‘Ulum al-Hadith*, Tahqiq: Nur al-Din ‘Itr. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ibn Hajar, A.M. (1981). *Al-Qaul al-Musaddad*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Ibn Hajar, A.M. (2008). *Nuzhah al-Nazar fi Tawdih Nukhbah al-Fikar fi Mustalah Ahl-Athar*. Riyadh: Matba‘ah Safir.
- Ibn Hajar.A.M. (1983). *Al-Nukat ‘ala Kitab Ibn al-Salah. Tahqiq Rabi‘ bin Hadi*, Madinah: Al-Jami‘ah al-‘Islamiyah.
- Ibn Kathir, I.D.I. (t.th). *Ikhtisar ‘Ulum al-Hadith. Tahqiq Ahmad Muhammad Syakir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Ibn Manzur, M. M. (1993). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibn Taymiyyah, T. D. (1995). *Majmu‘ al-Fatawa*. (t.pt.) Madinah al-Munawwarah.
- Kamarul Azmi Jasni, *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan Kualitatif*, (Kertas kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka), 2012, hlm 2, (Lihat: *Perbezaan Antara Kajian Kuantitatif Dan Kualitatif* (Atas Talian), (Akses 15 November 2022), Kutipan daripada: <https://madeinuitm.com/perbezaan-antara-kajian-kuantitatif-dan-kualitatif/>
- Mohd Nor Adli Osman, Muhamad Aidil Zali, Azmir Alim, Muhammad Rozaimi Ramle & Roshimah Shamsudin (2018). *Taqwiyah al-Hadith: Satu Kajian dalam Kitab Fada’il Shahr Ramadan*. BITARA International Journal Of Civilizational Studies and Human Sciences.
- Mohd Aizul Yaakob & Roshimah Shamsudin (2022). *Al-Tafarrud dan Hubungannya dengan ‘Illah Menurut Sarjana Hadis*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Munazzahah Zulkifli. (2022). *Penerimaan Ziyadah al-Thiqah oleh Ulama Hadith Mutaqaddimin dan Muta’akhhirin: Kajian Perbandingan antara al-Bukhari dan al-Nawawi*. Disertasi Sarjana: Universiti Sains Malaysia.
- Musa, A. (1998). *Al-Kulliyat*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Mustafa, I. (t.th). *Al-Mu‘jam al-Wasit*. (t.tp.). Dar al-Da‘wah.
- Salam, M. U. (t.th). *Taqwiyah al-Hadith al-Da‘if baina al-Fuqaha’ wa al-Muhaddithin*. Mekah: Jami‘ah Umm al-Qura.

Syakir, A. (t.th). *Al-Ba'ith al-Hathith ila Ikhtisar 'Ulum al-Hadith*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

Sya'idani, 'Abd al-Rahim. (2020). *Taqwiyah al-Hadith al-Daif Inda al-'Allamah Abi Al-'Ala al-Mubarakfuri*. Algeria: Universiti Batna 1.

Sulaiman Masri (t.th). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*, Kuala Lumpur, Utusan Publication dan Distributors Sdn. Bhd.

'Ulum al-Hadith Baina Mutaqaddimin wa Muta'akhkhirin, (Atas Talian), (Akses 17 Disember 2021), Kutipan daripada <http://kulalsalafiyen.com/vb/showthread.php?t=33940>.

'Uwais, M.A. (2014). *Manhaj al-Albani fi al-Takhrij*. Kaherah: Dar al-Salam.